

Diterbitkan : Mac 2006
Disemak semula : Jan 2008
ISBN : 978-981-05-9761-0

© Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan, Singapura
<http://www.mcys.gov.sg>

Semua hak terpelihara. Penerbitan ini sama sekali tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula atau dipancarkan dalam bentuk apa pun atau dengan cara apa pun, elektronik, mekanikal, salinan foto, rakaman atau selainnya, tanpa izin daripada Kementerian

Kandungan

	Kata Pengantar	2
	Peranan Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan	3
	Peranan Taman Jagaan Kanak-Kanak	4
	Peranan Ibu Bapa	5
	Soalan Lazim Perkara-Perkara Pentadbiran Pengurusan Kelakuan Perkara-Perkara Kewangan Program dan Kurikulum Keselamatan, Kesihatan, Kebersihan dan Pemakanan Perkara-Perkara Kakitangan Perkara-Perkara Subsidi	7
	Lampiran – Nombor Telefon Berguna	34

Kepada Ibu Bapa / Penjaga yang Dihormati

Hubungan kerjasama yang erat antara ibu bapa dengan taman jagaan kanak-kanak (tajaka) adalah penting, kerana hubungan itu memberi kesan positif pada pembangunan diri anak-anak sewaktu di tajaka. Kami yakin hubungan kerjasama ini lebih sempurna jika ibu bapa mendapat penerangan wajar tentang pelbagai aspek jagaan kanak-kanak. Bahagian Perkhidmatan Keluarga sukacita menerbitkan panduan ini bagi membantu anda memupuk kerjasama yang sempurna dengan tajaka, dengan memberi penerangan tentang pelbagai persoalan yang timbul apabila anak anda memasuki tajaka.

Panduan ini merupakan sumber yang praktikal tentang pelbagai aspek tentang subsidi dan pengurusan taman jagaan kanak-kanak, termasuk keselamatan, kesihatan dan kebersihan, penyakit, serta aspek pentadbiran seperti pemulangan wang cagarans. Selain itu lampiran yang disertakan di buku panduan ini mengandungi maklumat tentang agensi-agensi berkenaan dan pihak berkuasa yang dapat memberi nasihat atau bantuan tentang pelbagai aspek jagaan kanak-kanak.

Dengan memahami peranan masing-masing, kita dapat mengusahakan tahap jagaan dan pendidikan yang terbaik untuk anak-anak. Semoga panduan ini berguna bagi anda sambil kita meneruskan usaha bersama demi kepentingan anak-anak kita.

Lee Kim Hua

Pengarah

Bahagian Perkhidmatan Keluarga

Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan

Peranan Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan (MCYS)

Kementerian melesenkan semua tajaka di Singapura di bawah Akta Taman Jagaan Kanak-Kanak (Bab 37A) dan Peraturannya. Semua tajaka dikehendaki mendapatkan lesen sebelum memulakan operasi. Lesen itu menyebut tempoh sahnya, dan harus dipamerkan di tajaka berkenaan.

Dari semasa ke semasa, Kementerian melakukan lawatan mengejut demi memastikan tajaka memenuhi taraf jagaan yang diterima dalam bidang-bidang ini:

- Persekutaran fizikal
- Keselamatan, kesihatan, kebersihan dan pemakanan
- Latihan dan kelayakan kakitangan serta syarat-syarat yang dikenakan
- Program dan kurikulum
- Pentadbiran


Kami menggunakan satu senarai semak pelesenan bagi menilai kualiti dan taraf jagaan. Setiap tajaka diberikan senarai semak itu supaya dapat melakukan penilaian sendiri demi meningkatkan kualiti jagaan secara berterusan. Setiap tajaka juga kami sediakan “Buku Panduan Amalan Baik”, yang memberi perhatian pada amalan-amalan yang dipuji dalam semua aspek jagaan kanak-kanak.

Kementerian melarang ketat apa juu amalan tidak wajar terhadap kanak-kanak di tajaka. Tindakan akan diambil terhadap mana-mana tajaka yang melanggar Akta Taman Jagaan Kanak-Kanak dan Peraturannya.

Peranan Taman Jagaan Kanak-Kanak

4


Tajaka memainkan peranan penting dalam tempoh pembangunan diri anak anda, memandangkan jangka masa dia berada di sana. Banyak perkembangan penting berlaku semasa anak anda berada di tajaka, dari segi fizikal, intelek, emosi, pergaulan, estetika dan kreatif. Oleh itu, tajaka digalakkan supaya menyediakan saluran komunikasi terbuka dan kerap berinteraksi dengan ibu bapa, secara formal dan tidak formal. Tajaka juga harus menerapkan peraturan yang jelas dan menerangkannya kepada ibu bapa. Tajaka harus mempunyai kakitangan yang terlatih sewajarnya dan profesional dalam perilaku mereka. Pada keseluruhannya, tajaka harus menerapkan taraf penjagaan dan pendidikan yang sempurna.




Sebagai ibu bapa, anda juga memegang peranan penting. Anda perlu menjalin hubungan positif dengan kakitangan tajaka demi kepentingan anak anda. Anda boleh menyumbangkan masa dan kepakaran bagi membantu tajaka dalam pelbagai kegiatan, termasuk sesi bercerita, sesi berkongsi, kraf tangan, lawatan luar, sambutan perayaan, seminar, ceramah, bengkel, dan sebagainya.

Buku panduan ini adalah tambahan kepada buku panduan tajaka yang anda terima apabila anak anda masuk tajaka. Buku panduan pihak tajaka itu penting disemak demi mengetahui peraturannya dan falsafahnya dalam penjagaan kanak-kanak. Dengan itu anda akan faham dan tahu apa yang patut diharapkan daripada tajaka tersebut.

Para penyelia dan guru di tajaka adalah penjaga utama anak anda, jadi kepada mereka anda patut bincangkan atau jelaskan apa jua persoalan di fikiran anda tentang apa jua perkara yang berhubungan dengan anak anda.





Peranan Ibu Bapa

Akhir kata, komunikasi yang tetap dan terbuka akan menghasilkan hubungan kerjasama yang berjaya antara ibu bapa dengan tajaka anak anda. Dengan menyedari tanggung jawab anda sebagai ibu bapa serta peranan kakitangan taman jagaan kanak-kanak, anda dapat mengendalikan jangkaan anda dan membina persekitaran yang teguh, sihat dan menyokong bagi anak anda.





Perkara-Perkara Pentadbiran

S1. Apakah waktu urusan taman jagaan kanak-kanak?

Kebanyakan tajaka dibuka dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam, pada hari Isnin hingga Jumaat, dan dari jam 7.00 pagi hingga 2.00 petang pada hari Sabtu. Tajaka di tempat kerja mungkin mengikuti waktu urusan syarikat atau badan tempat tajaka itu berada. Ada tajaka tempat kerja dibuka dari jam 7.30 pagi, ada yang ditutup jam 6.30 atau 7.30 malam. Ada pula yang dibuka 5 hari seminggu.

S2. Adakah tajaka dibenarkan ditutup melebihi bilangan hari cuti umum yang diwartakan?

Tajaka harus dibuka sepanjang tahun, kecuali hari Ahad dan hari cuti umum yang diwartakan. Selain hari Ahad dan hari cuti umum, tajaka boleh ditutup lagi 5 □ hari setahun untuk kegiatan seperti latihan dan pembangunan kakitangan, bengkel, dan kerja-kerja pembersihan tempat. Tajaka juga boleh dibuka separuh hari pada hari sebelum Hari Natal, Tahun Baru, dan Tahun Baru Cina. Tetapi, ibu bapa mesti diberitahu sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum tarikh penutupan.



S3. Siapa yang menjaga anak saya jika dia tidak menyertai lawatan luar yang dianjurkan oleh tajaka?

Tajaka boleh menganjurkan lawatan luar sebagai kegiatan susulan untuk meluaskan pengalaman belajar anak-anak. Tajaka dikehendaki menugaskan kakitangan program untuk menjaga kanak-kanak yang tidak dapat menyertai lawatan luar.

Pengurusan Kelakuan

S1. Semasa mengambil anak saya pulang dari tajaka, saya lihat dia ada lebam di lengan. Kakitangan tajaka tidak memberitahu saya tentang apa-apa kejadian. Apa tindakan yang saya patut ambil?

Anda patut berjumpa guru anak anda dengan segera untuk bertanya bagaimana lebam itu terjadi. Bincangkan dengan guru anak anda cara-cara untuk mencegah kejadian itu daripada berlaku lagi.





S2. Anak saya kerap digigit oleh kawan sedarjah. Penyelia tajaka sudah bercakap dengan ibu anak itu tetapi dia masih menggigit. Apa patut saya buat?

Kemukakan masalah anda kepada guru-guru anak anda atau penyelia tajaka. Anda boleh meminta mereka menunjukkan pelan tindakan tajaka bagi menguruskan hal seperti itu. Tajaka juga patut menyiapkan pelan individu bagi menolong anak yang menggigit itu mengawal kelakuannya.

S3. Saya kerap terdengar guru memekik-mekik dan menjerit-jerit kepada kanak-kanak di tajaka. Siapa patut saya jumpa tentang kaedah pengurusan kanak-kanak seperti ini?

Bincangkan dengan penyelia tajaka dan minta dia jelaskan adakah dia tahu masalah itu. Tanyakan apakah kaedah pengurusan kanak-kanak di tajaka itu. Jika keadaan tidak berubah, datanglah berjumpa Kementerian. Kami akan melakukan siasatan.





Perkara-Perkara Kewangan

S1. Apa patut saya buat jika tajaka tidak mahu memulangkan wang cagaran apabila saya keluarkan anak saya dari tajaka itu?

Tajaka adalah syarikat perniagaan swasta yang mempunyai dasar pentadbiran sendiri tentang hal-hal kewangan, seperti pemungutan yuran, wang cagaran, dan prosedur bagi memulangkan wang. Kementerian tidak campur tangan dalam urusan kewangan atau kontrak antara tajaka dengan ibu bapa. Ibu bapa patut membaca dan memahami syarat-syarat yang dinyatakan dalam buku panduan tajaka sebelum menurunkan tanda tangan sebagai tanda setuju. Ibu bapa dinasihatkan supaya berjumpa terus dengan pihak tajaka bagi menyelesaikan apa-apa perselisihan tentang hal-hal kewangan. Jika tidak dapat menyelesaikan persoalan kewangan itu, salah satu pihak boleh membawa perkara itu kepada Mahkamah Tuntutan Kecil untuk diselesaikan.





S2. Anak saya cedera semasa berada di tajaka. Saya mengambil keputusan untuk mengeluarkan anak saya dari situ tanpa memberi notis satu bulan seperti yang ditetapkan. Akibatnya, tajaka itu tidak mahu memulangkan wang cagaran. Bolehkah Kementerian membantu?

Anda dinasihatkan supaya menyelesaikan soal pemulangan wang secara langsung dengan pihak tajaka. Kementerian tidak campur tangan dalam perselisihan tentang hal-hal kewangan antara ibu bapa dengan tajaka.

S3. Tajaka anak saya mengenakan bayaran untuk tilam, cedar, pakaian seragam, dan sebagainya. Adakah saya mesti membayarnya?

Tajaka boleh mengenakan bayaran bagi tilam, cedar, dan pakaian seragam. Barang-barang itu boleh dibawa pulang apabila anak anda meninggalkan tajaka. Tajaka juga boleh meminta anda membeli insurans tahunan bagi jangka masa anak anda berada di situ.





S4. Adakah saya dikehendaki membayar atau menyediakan barang-barang berikut yang diminta oleh tajaka?

- **Bahan kebersihan diri seperti syampu, sabun cecair dan tisu**
- **Alat tulis seperti pensel warna / krayon**
- **Bahan pendidikan seperti buku bacaan dan buku cerita**
- **Untuk kanak-kanak kecil: lampin, susu tepung**

Yuran tajaka termasuk bahan kebersihan diri, alat tulis, kertas aktiviti dan buku bacaan. Ibu bapa boleh menyediakan bahan kebersihan khas jika ada keperluan perubatan. Bekalan lampin dan susu tepung untuk kanak-kanak kecil biasanya dibincangkan dan disetujui antara pihak tajaka dengan ibu bapa semasa pendaftaran. Di kebanyakan tajaka, ibu bapa menyediakan lampin dan susu tepung kerana masing-masing kanak-kanak berbeza keperluannya.





S5. Tajaka anak saya minta saya membayar yuran sekolah setiap penggal, bukan sebulan sekali. Adakah ini amalan yang diterima?

Tajaka dikehendaki memungut yuran jagaan kanak-kanak secara bulanan. Cara pembayaran yang lain boleh disediakan, misalnya dua bulan sekali atau setiap penggal, tetapi ibu bapa mesti diberi pilihan untuk membayar yuran sebulan sekali. Semua cara pembayaran mesti dinyatakan dengan jelas dalam Buku Panduan Ibu Bapa. Ibu bapa boleh memilih mana-mana cara pembayaran yang sesuai.





S6. Keluarga saya berpendapatan rendah dan saya perlukan bantuan kewangan untuk membayar yuran tajaka. Bagaimana cara memohonnya?

Keluarga yang perlukan khidmat jagaan kanak-kanak tetapi tidak mampu membayar yuran boleh memohon bantuan kewangan tambahan di bawah Skim Bantuan Kewangan Berasaskan Tajaka untuk Jagaan Kanak-Kanak (CFAC). Bantuan boleh dipohon melalui tajaka. Sila bincangkan keperluan anda dengan mereka. Tajaka akan memohon CFAC daripada Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) bagi pihak anda.

Program dan Kurikulum

S1. Saya lihat tajaka tidak mempunyai kurikulum tetap. Saya khuatir anak saya kurang bersiap sedia untuk pendidikan formal apabila masuk sekolah rendah nanti.

MCYS menyediakan rangka kurikulum yang luas. Terpulang kepada tajaka untuk membangun kurikulum dan program sendiri sejajar dengan falsafah jagaannya. Kurikulum itu berfokus pada pembangunan kanak-kanak secara menyeluruh dan bertujuan mencapai sepenuh potensi setiap anak. Pendekatan ini memberi kelonggaran bagi tajaka menentukan dan menyampaikan program prasekolah masing-masing.

Selain itu, buku “Nurturing Early Learners: A Framework for a Kindergarten Curriculum in Singapore” (Memupuk Pelajar Pendidikan Awal: Rangka Kerja Kurikulum Tadika di Singapura) yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan (MOE) pada bulan Januari 2003 juga diberikan kepada tajaka. Natijah yang diingini daripada pendidikan prasekolah, yang terkandung dalam rangka kerja ini, juga menjadi pedoman bagi tajaka.

Setiap anak prasekolah yang memasuki tajaka akan menerima pendidikan prasekolah yang setaraf dengan tadika terdaftar MOE untuk bersiap sedia bagi sekolah rendah.

S2. Anak saya diminta menyertai kelas pidato dan drama, iaitu kelas pilihan di tajaka itu. Adakah tajaka dibenarkan mengadakan kelas seperti itu dengan bayaran tambahan?

Tajaka boleh menjalankan program pilihan dengan bayaran tambahan, selain program jagaan kanak-kanak. Tetapi, penting sekali tajaka itu menilai keperluan, kesesuaian dan faedah program seperti itu sebelum melaksanakannya. Tajaka patut mematuhi garis panduan Kementerian dalam menyediakan program pilihan, dan ibu bapa boleh memilih sama ada hendak menyertakan anak mereka atau tidak. Program jagaan kanak-kanak yang biasa harus diteruskan untuk kanak-kanak yang tidak menyertai program pilihan.



S3. Anak saya menghadapi kesukaran pembelajaran dan saya khawatir yang dia tidak dapat meraih keuntungan daripada program tajaka.

Terdapat beberapa tajaka yang menyediakan program tajaka bersepadu (integrated child care programme) untuk anak-anak yang mengalami masalah perbelajaran bagi meningkatkan potensi mereka. Matlamat program bersepadu ialah untuk membantu kanak-kanak ini diterapkan ke arus dasar persekolahan. Ibu bapa yang memerlukan khidmat khas ini perlu memeriksa dengan tajaka mengenai falsafah dan program mereka. Ibu-bapa boleh merujuk ke laman web: http://www.disability.org.sg/admin/download_files/ICCP.pdf for untuk senarai pusat-pusat yang menyediakan khidmat program tajakan bersepadu.

Keselamatan, Kesihatan, Kebersihan dan Pemakanan

S1. Anak saya demam panas malam semalam, tetapi sudah kurang pagi ini. Boleh saya bawa dia ke tajaka?

Demam biasanya menandakan ada jangkitan. Sebaiknya biarkan anak anda berehat di rumah sehingga demam itu reda sepenuhnya.





S2. Anak saya baru sembuh daripada Cacar Air (Chicken Pox). Boleh saya bawa dia ke tajaka apabila tamat tempoh surat akuan doktor?

Anak yang didapati menghidap penyakit berjangkit seperti Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) atau Cacar Air sepatutnya jangan menghadiri kelas di tajaka, sehingga dibenarkan semula oleh doktor berdaftar untuk datang ke tajaka setelah tamat tempoh surat akuan doktor.

S3. Anak saya sudah beberapa hari sakit. Sekarang dia sedang diberi ubat dan ada sedikit tandatanda batuk dan selesema. Tajaka tidak mahu membenarkan dia datang, kecuali saya mendapat surat daripada doktor berdaftar yang membuktikan dia sihat. Apa patut saya buat?

Surat akuan daripada doktor berdaftar yang mengesahkan anak anda sihat untuk datang ke tajaka memang diperlukan jika dia masih diberi ubat. Jika doktor tidak mahu mengesahkan anak anda sihat untuk datang ke tajaka, bererti anak anda masih belum cukup sihat dan patut berehat di rumah. Ini memang wajar, kerana sistem imuniti anak anda masih lemah dan jangkitan lain boleh terjadi.



S4. Saya bimbang dengan amalan kebersihan di tajaka anak saya semasa wabak HFMD. Dengan siapa saya boleh bincangkan kebimbangan itu?

Tajaka dikehendaki mematuhi “Garis Panduan bagi Mencegah dan Mengawal Penyakit Berjangkit di Tajaka / Tadika / Pusat Prasekolah” yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan. Anda dapat membincangkan kebimbangan anda dengan penyelia tajaka. Jika tindakan tidak diambil, anda dapat menghubungi Talian Maklumat Tajaka, nombor telefon: 1800-2585812. Pegawai kami yang bertanggung jawab atas tajaka akan meninjau hal itu dan menasihati tajaka berkenaan.





S5. Tajaka anak saya mengalami kejadian wabak HFMD. Bila waktunya tajaka akan diarahkan supaya ditutup untuk menghentikan wabak?

Tajaka dikehendaki memberitahu MCYS dan Kementerian Kesihatan (MOH), bila ada dua atau lebih kes HFMD. Kedua-dua Kementerian, memantau dengan teliti kejadian wabak HFMD dan penyakit berjangkit lain di tajaka. Ada dua jenis penutupan tajaka yang boleh terjadi semasa wabak HFMD.

1. Penutupan Wajib

Jika tajaka patut ditutup memandangkan jenis virus dan bilangan kes, MOH akan menasihati MCYS supaya menutup tajaka yang terjejas demi menghalang penularan penyakit selanjutnya. Atas nasihat MOH, Pengarah Perkhidmatan Keluarga di MCYS akan mengeluarkan perintah supaya tajaka itu ditutup di bawah Peraturan Tajaka.





2. Penutupan Sukarela

Tajaka juga boleh menimbangkan penutupan sukarela jika merasa perlu berbuat begitu. Tetapi ini harus dengan izin semua ibu bapa dan kelulusan MCYS. MOH telah menasihatkan bahawa tajaka perlu ditutup sekurang-kurangnya 5 hingga 7 hari untuk menghentikan penularan penyakit.

Oleh itu, ada ibu bapa mungkin tidak dapat mencari kemudahan menjaga anak mereka sebagai ganti selama tajaka ditutup. Tajaka amat digalakkan supaya bekerjasama dengan ibu bapa yang menghadapi masalah mencari kemudahan gantian untuk menjaga anak mereka. MCYS tidak campur tangan dalam persoalan kewangan, misalnya pemulangan yuran jagaan kanak-kanak semasa tajaka ditutup.



Semasa penutupan sukarela, tajaka akan membersihkan dan melakukan disinfeksi tempat, peralatan, bahan dan barang permainannya.



S6. Anak saya sering pulang ke rumah dengan bekas gigitan nyamuk. Saya pernah menyampaikan kebimbangan saya kepada tajaka, tetapi saya tidak fikir mereka mengambil apa-apa tindakan. Apa boleh saya buat?

Anda boleh bertanya lebih lanjut dengan pihak tajaka apakah tindakan yang diambil bagi mencegah pembiakan nyamuk. Antara tindakan bagi mencegah pembiakan nyamuk ialah pengabutan (fogging), menyembur racun serangga di awal atau di akhir hari, dan menyapukan ubat pencegah nyamuk pada anak anda. Jika masalah nyamuk itu berterusan juga, tajaka boleh meminta nasihat dan bantuan Agensi Sekitaran Negara (NEA) atau Majlis Bandaran.

S7. Bagaimana saya tahu sama ada tajaka menyediakan makanan berzat untuk anak saya pada waktu makan?

Hidangan makanan di tajaka harus termasuk sekurang-kurangnya sarapan pagi, makan tengah hari, dan minum teh petang. Menu tajaka setiap minggu harus dipamerkan di Papan Notis Ibu Bapa untuk makluman ibu bapa. Semua tajaka telah diberikan risalah “Panduan Makanan Sihat di Tajaka”, yang memberi sumber dan penerangan tentang merancang makanan yang berzat dan seimbang. Jika anak anda memerlukan makanan khas, bincangkan dengan penyelia tajaka.



Perkara-Perkara Kakitangan

S1. Berapakah bilangan kakitangan yang ditetapkan oleh Kementerian bagi setiap kanak-kanak?

Bilangan minimum kakitangan yang ditetapkan bagi setiap anak sepanjang masa program mengikut umur kanak-kanak adalah seperti berikut:

18 bulan ke bawah	1:5
Melebihi 18 bulan hingga 30 bulan	1:8
Melebihi 30 bulan hingga 3 tahun	1:12
Melebihi 3 tahun hingga 4 tahun	1:15
Melebihi 4 tahun hingga kurang daripada 7 tahun	1:25

S2. Bagaimana saya tahu sama ada kakitangan yang menjaga anak saya terlatih dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak?

Tahap latihan minimum bagi semua guru tajaka ialah Sijil Pengajaran Prasekolah. Anda boleh berjumpa dengan penyelia tajaka untuk membincangkan taraf latihan profesional kakitangannya. Kakitangan yang tidak terlatih di peringkat Sijil Pengajaran Prasekolah adalah pembantu tajaka. Mereka boleh membantu guru-guru menjalankan aktiviti dan menyelia kanak-kanak secara umumnya.



Perihal Subsidi

Subsidi Lebih Tinggi untuk Penjagaan Anak di Tajaka

Lebih banyak taman jagaan kanak-kanak (tajaka) akan diadakan selama lima tahun akan datang untuk menyediakan pelbagai pilihan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dan mampu ditanggung bagi ibu bapa yang bekerja.

Demi membantu mereka yang ingin mempunyai anak dan memerlukan khidmat tajaka, Pemerintah memberikan subsidi penjagaan anak bagi kanak-kanak dan bayi bertaraf Warga Singapura.

Mulai 17 Ogos 2008, subsidi bagi penjagaan kanak-kanak di tajaka akan dinaikkan dari \$150 menjadi maksimum \$300, dan subsidi bagi penjagaan bayi di tajaka akan dinaikkan dari \$400 menjadi maksimum \$600 sebulan setiap anak. Subsidi ini adalah untuk semua anak bertaraf Warga Singapura.






S1. Apakah subsidi yang disediakan oleh pemerintah jika saya mendaftarkan bayi / anak saya di pusat jagaan bayi / kanak-kanak?

Subsidi penjagaan bayi dan kanak-kanak di tajaka diberikan untuk kanak-kanak yang didaftarkan di tajaka berlesen. Subsidi diberikan untuk menolong ibu bapa supaya mampu membayar yuran yang dikenakan.

- Subsidi penjagaan bayi disediakan untuk bayi bertaraf Warga Singapura yang berumur 2 hingga 18 bulan,
- Subsidi penjagaan kanak-kanak pula disediakan untuk anak bertaraf Warga Singapura yang berumur 18 bulan hingga kurang 7 tahun.

Subsidi diberikan kepada ibu/bapa tunggal yang bekerja dan yang tidak bekerja.



Kadar subsidi adalah mengikut jenis program yang didaftarkan dan taraf pekerjaan ibu/bapa tunggal berkenaan.

Untuk melayakkan diri sebagai ibu bekerja, seorang ibu harus bekerja sekurang-kurangnya 56 jam sebulan.

Ibu yang menghantar anaknya ke tajaka dalam program fleksibel akan menerima subsidi disesuaikan. mengikut bilangan jam anak mereka dijaga di pusat itu.



Soalan Lazim

A) Subsidi Penjagaan Bayi

Subsidi maksimum penjagaan bayi adalah \$600 seorang sebulan bagi ibu / bapa tunggal yang bekerja, atau \$150 seorang sebulan untuk ibu / bapa tunggal yang tidak bekerja.

Syarat Kelayakan

- Bayi bertaraf warga Singapura, antara 2 dengan 18 bulan, didaftarkan di tajaka berlesen yang menyediakan khidmat penjagaan bayi



Jadual 1: Subsidi Penjagaan Bayi untuk Bayi bertaraf Warga Singapura yang berumur 2-18 bulan

Program Penjagaan Bayi	Subsidi Penjagaan Bayi (Sebulan)	
Penjagaan Harian	Ibu Bekerja	Ibu Tidak Bekerja
Penjagaan Sepenuh Hari	\$600	\$150
Penjagaan Separuh Hari	\$300	\$150
Penjagaan Fleksibel		
12 jam hingga 24 jam seminggu	\$220	\$55
Melebihi 24 jam hingga 36 jam seminggu	\$330	\$110
Melebihi 36 jam hingga 48 jam seminggu	\$440	\$150
Melebihi 48 jam seminggu	\$600	\$150




B) Subsidi Penjagaan Kanak-Kanak

Subsidi maksimum penjagaan kanak-kanak adalah \$300 seorang sebulan bagi ibu / bapa tunggal yang bekerja, atau \$150 seorang sebulan untuk ibu / bapa tunggal yang tidak bekerja.

Syarat Kelayakan

- Kanak-kanak bertaraf warga Singapura, antara 18 bulan dengan 7 tahun, didaftarkan di tajaka berlesen





Jadual 2: Subsidi Penjagaan Kanak-Kanak untuk anak bertaraf Warga Singapura berumur lebih daripada 18 bulan hingga kurang daripada 7 tahun

Program Jagaan Kanak-Kanak	Subsidi Penjagaan Kanak-Kanak (Sebulan)	
Penjagaan Harian	Ibu Bekerja	Ibu Tidak Bekerja
Penjagaan Sepenuh Hari	\$300	\$150
Penjagaan Separuh Hari	\$150	\$150
Penjagaan Fleksibel		
12 jam hingga 24 jam seminggu	\$110	\$55
Melebihi 24 jam hingga 36 jam seminggu	\$165	\$110
Melebihi 36 jam hingga 48 jam seminggu	\$220	\$150
Melebihi 48 jam seminggu	\$300	\$150



S2. Bagaimana cara saya memohon subsidi jagaan bayi/kanak-kanak?

Permohonan subsidi jagaan bayi / kanak-kanak akan dibuat oleh tajaka bagi pihak anda. Harap kemukakan dokumen penyokong, seperti salinan NRIC dan sijil kelahiran anak anda, kepada tajaka semasa mendaftarkan anak anda, supaya tajaka dapat mengesahkan tuntutan subsidi anda. Anda juga dikehendaki mengisyitiharkan butir-butir pekerjaan, misalnya nama majikan, alamat, nombor telefon, pendapatan bulanan dan jumlah jam anda bekerja sebulan. Bapa atau penjaga tunggal juga perlu mengemukakan dokumen undang-undang seperti keputusan cerai (decree nisi), surat cara pemisahan dan perintah mahkamah tentang perceraian anda dan hak penjagaan anak.

Anda diberikan subsidi bermula pada bulan permohonan anda diluluskan oleh Kementerian. Setelah diluluskan, anda hanya membayar yuran bulanan bersubsidi bagi jagaan kanak-kanak (yuran jagaan bulanan, ditolak subsidi pemerintah) kepada tajaka.

Untuk membuat tuntutan subsidi, anda juga dikehendaki melaporkan taraf pekerjaan anda sekurang-kurangnya sekali setahun kepada tajaka.





S3. Adakah saya perlu memberitahu tajaka jika taraf pekerjaan saya dan taraf kerakyatan anak saya berubah?

Anda bertanggung jawab memberitahu tajaka dengan segera jika ada perubahan taraf pekerjaan anda dan taraf kerakyatan anak anda. Harap kemukakan surat akuan taraf pekerjaan serta dokumen penyokong seperti sijil kerakyatan anak anda kepada tajaka untuk disahkan. Pemohon yang bekerja sendiri dikehendaki mengemukakan akuan berkanun (statutory declaration) untuk menyatakan taraf pekerjaan anda dan jumlah jam anda bekerja sebulan.

S4. Bagaimana caranya tajaka mengira GST atas yuran dan subsidi jagaan kanak-kanak?

Jika tajaka sudah berdaftar untuk GST, cukai GST dikira atas nilai penuh yuran bulanan. Katakan, yuran jagaan kanak-kanak ialah \$500 sebelum subsidi, dan subsidi ialah \$150. Tajaka harus mengenakan GST atas \$500 itu. Ibu bapa harus membayar tajaka yuran sebanyak \$385 (\$500 + 7% GST – subsidi jagaan kanak-kanak \$150).





S5. Adakah saya layak menerima subsidi jika saya mendaftarkan anak saya atas dasar percubaan?

Tajaka memang dikehendaki menyediakan tempoh percubaan sekurang-kurangnya dua minggu bagi program sepenuh hari dan separuh hari. Anda layak menerima subsidi pro-rata jika mendaftarkan anak anda untuk tempoh sekurang-kurangnya 2 minggu dan membayar yuran untuk sekurang-kurangnya dua minggu.

S6. Adakah saya layak mendapat subsidi jagaan fleksibel?

Untuk layak menerima subsidi jagaan fleksibel, anda perlu membayar yuran penuh program jagaan fleksibel.

S7. Bilakah subsidi jagaan kanak-kanak ditamatkan bagi anak saya?

Subsidi jagaan kanak-kanak ditamatkan apabila anak anda dikeluarkan daripada tajaka atau tidak hadir tajaka sekurang-kurangnya satu hari dalam sebulan. Anda boleh mengeluarkan anak anda buat sementara waktu daripada skim subsidi jagaan kanak-kanak, jika ingin membawa anak anda pergi bercuti panjang. Jika anak anda menjalani cuti perubatan atau cuti hospital yang panjang, harap kemukakan dokumen penyokong kepada tajaka untuk pertimbangan khas bagi tuntutan subsidi.



S8. Adakah saya layak menerima subsidi jagaan kanak-kanak jika saya memberi notis lebih awal untuk mengeluarkan anak saya daripada tajaka dan telah membayar yuran sebulan penuh bagi bulan yang terakhir?

Anda layak menerima subsidi jagaan kanak-kanak dengan syarat anak anda hadir sekurang-kurangnya satu hari di tajaka itu pada bulan terakhir. Sila periksa juga dasar tajaka berkenaan tentang memberhentikan anak anda dari tajaka, dan hubungi penyelia tajaka secara langsung tentang perkara ini.

S9. Adakah saya masih layak menerima kadar penuh subsidi jagaan bayi / kanak-kanak jika saya tidak bekerja atau sedang cuti tanpa gaji atau cuti belajar?

Jika tidak bekerja kerana keadaan tertentu, termasuk cuti tanpa gaji / cuti belajar atau penyakit yang berkekalan, anda boleh merayu kepada Kementerian untuk mendapat subsidi jagaan anak. Anda harus kemukakan kepada tajaka dokumen penyokong, seperti surat kelulusan cuti tanpa gaji, surat penerimaan kursus, atau surat doktor tentang penyakit anda. Tajaka akan memohon pertimbangan khas bagi pihak anda. Semua rayuan akan dipertimbangkan mengikut keadaan masing-masing dan keputusan rayuan akan disampaikan kepada anda melalui tajaka.



Soalan Lazim

S10. Adakah saya didenda jika memberikan maklumat tidak tepat / palsu untuk membuat tuntutan subsidi jagaan kanak-kanak?

Jika Kementerian mengesahkan yang anda telah memberikan maklumat tidak tepat atau palsu untuk tuntutan subsidi jagaan kanak-kanak, anda dikehendaki memulangkan kepada Kementerian semua subsidi yang telah dibayar. Tidak kira sama ada subsidi dipulangkan atau tidak, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda kerana memberikan maklumat palsu kepada Kementerian.





Tajaka adalah tempat hubungan pertama bagi ibu bapa. Anda dinasihatkan supaya lebih dahulu berjumpa pihak tajaka jika ada keraguan atau pertanyaan tentang program atau pentadbirannya, atau ada persoalan lain mengenai anak anda. Anda juga boleh melawat laman web kami, <http://www.childcarelink.gov.sg>, untuk mendapatkan penerangan lanjut.

Selain itu, sila gunakan jadual di bawah yang menunjukkan senarai agensi / pihak berkuasa yang boleh dihubungi jika memerlukan penjelasan atau nasihat lanjut.

Bonus Bayi / Akaun Pembangunan Kanak-Kanak (CDA)

Agenzi/Pihak Berkuasa: MCYS

Nombor Telefon: 1800-253 7707

Alamat e-mel/Laman web: mcys_babybonus@mcys.gov.sg





Lampiran - Nombor Telefon Berguna

Penganiayaan Kanak-Kanak

Agensi/Pihak Berkuasa: MCYS

Nombor Telefon: 1800-258 6378

Alamat e-mel/Laman web: [http://app.mcys.gov.sg/web/
faml_nurture_childprotection.asp](http://app.mcys.gov.sg/web/faml_nurture_childprotection.asp)

Subsidi Jagaan Kanak-Kanak

Agensi/Pihak Berkuasa: MCYS

Nombor Telefon: 1800-258 5812

Alamat e-mel/Laman web: mcys_childcarelink@mcys.gov.sg

Isu-Isu Pelesenan Tajaka

Agensi/Pihak Berkuasa: MCYS

Nombor Telefon: 1800-258 5812

Alamat e-mel/Laman web: mcys_childcarelink@mcys.gov.sg



Kanak-Kanak dengan Keperluan Khas

Agensi/Pihak Berkuasa: MCYS

Alamat e-mel/Laman web: http://app.mcys.gov.sg/web/indv_abtdisable.asp

Agensi/Pihak Berkuasa: Disability Information and Referral Centre

Nombor Telefon: 1800-347 2222

Alamat e-mel/Laman web: <http://www.disability.org.sg>

Hak Menjaga Anak

Agensi/Pihak Berkuasa: Mahkamah Keluarga

Alamat e-mel/Laman web: <http://www.familycourtofsingapore.gov.sg/index.htm>

Direktori Perkhidmatan Keluarga

Agensi/Pihak Berkuasa: MCYS

Alamat e-mel/Laman web: http://app.mcys.gov.sg/web/serv_dss_disability_main.asp?Services_Id=2



Lampiran - Nombor Telefon Berguna

Soal-Soal Pekerjaan Kaktangan Tajaka

Agensi/Pihak Berkuasa: Kementerian Tenaga Manusia (MOM)

Nombor Telefon: 6438 5122

Alamat e-mel/Laman web: <http://www.mom.gov.sg/>

Pendidikan Kekeluargaan

Agensi/Pihak Berkuasa: MCYS

Alamat e-mel/Laman web: www.family.gov.sg/parenting

Penyakit Berjangkit

Agensi/Pihak Berkuasa: Kementerian Kesihatan (MOH)

Nombor Telefon: 6325 9220

Alamat e-mel/Laman web: <http://www.moh.gov.sg/mohcorp/publications.aspx?id=2962>



Pemakanan untuk Kanak-Kanak

Agensi/Pihak Berkuasa: Lembaga Penggalak Kesihatan (HPB)

Nombor Telefon: 6435 3817

Alamat e-mel/Laman web: http://www.hpb.gov.sg/hpb/default.asp?pg_id=2469

Tahap Kebisingan

Agensi/Pihak Berkuasa: Lembaga Pembangunan Semula Bandar (URA) untuk tajaka di premis swasta

Nombor Telefon: 6223 4811

Alamat e-mel/Laman web: <http://www.ura.gov.sg>

Pengangkutan Kanak-Kanak / Masalah Lalu Lintas

Agensi/Pihak Berkuasa: Penguasa Pengangkutan Darat (LTA)

Nombor Telefon: 1800-225 5582

Alamat e-mel/Laman web: http://www.lta.gov.sg/home/index_home_contact.htm



Sekitaran misalnya, Nyamuk

Agensi/Pihak Berkuasa: Agensi Sekitaran Negara (NEA)
untuk tajaka di premis swasta

Nombor Telefon: 1800-225 5632

Alamat e-mel/Laman web: <http://www.nea.gov.sg>

Majlis Bandaran bagi tajaka di premis HDB:

- **Majlis Bandaran Aljunied**

Nombor Telefon: 6744 1033

Laman web: <http://www.aljunied-tc.org.sg>

- **Majlis Bandaran Ang Mo Kio**

Nombor Telefon: 6453 0511

Laman web: <http://www.amktc.org.sg>



Sekitaran misalnya, Nyamuk

- **Majlis Bandaran Bishan-Toa Payoh**

Nombor Telefon: 6259 6700

Laman web: <http://www.btptc.org.sg>

- **Majlis Bandaran East Coast**

Nombor Telefon: 6444 9549

Laman web: <http://www.ectc.org.sg>

- **Majlis Bandaran Holland-Bukit Panjang**

Nombor Telefon: 6766 9100

Laman web: <http://www.hbptc.org.sg>

- **Majlis Bandaran Hong Kah**

Nombor Telefon: 6764 3295

Laman web: <http://www.hktc.org.sg>



Sekitaran misalnya, Nyamuk

- **Majlis Bandaran Hougang**

Nombor Telefon: 6286 3533

Laman web: <http://www.hougang.org.sg>

- **Majlis Bandaran Jalan Besar**

Nombor Telefon: 6298 9222

Laman web: <http://www.jbtc.org.sg>

- **Majlis Bandaran Jurong**

Nombor Telefon: 6561 2222

Laman web: <http://www.jrtc.org.sg>

- **Majlis Bandaran Marine Parade**

Nombor Telefon: 6241 6044

Laman web: <http://www.mptc.org.sg>



Sekitaran misalnya, Nyamuk

- **Majlis Bandaran Pasir Ris-Punggol**

Nombor Telefon: 6585 4938

Laman web: <http://www.prpg-tc.org.sg>

- **Majlis Bandaran Potong Pasir**

Nombor Telefon: 6284 5000

Laman web: <http://www.potongpasirtc.org>

- **Majlis Bandaran Sembawang**

Nombor Telefon: 6368 3100

Laman web: <http://www.sembawangtc.org.sg>

- **Majlis Bandaran Tampines**

Nombor Telefon: 6781 2222

Laman web: <http://www.ttc.org.sg>



Sekitaran misalnya, Nyamuk

- **Majlis Bandaran Tanjong Pagar**

Nombor Telefon: 6272 6415

Laman web: <http://www.tptc.org.sg>

- **Majlis Bandaran West Coast-Ayer Rajah**

Nombor Telefon: 1800-776 0271

Laman web: <http://www.wcartc.org.sg>

Lampiran - Nombor Telefon Berguna



Panduan edisi terkini ini disusun oleh sebuah kumpulan projek yang dianggotai para pegawai Cawangan Jagaan Keluarga, Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan, dan diketuai oleh Timbalan Pengarah, Puan Ismail Ellias.

Anggota Kumpulan Projek:

Puan Lim Seok Cheng

Penolong Pengarah

Bahagian Jagaan Kanak-Kanak

Cik Adeline Tay

Pegawai Perkhidmatan Keluarga Kanan

Puan Irene Yoong

Pegawai Perkhidmatan Keluarga Kanan

Cik Julita Mohd Hussen

Pegawai Perkhidmatan Keluarga Kanan

Cik Koh Or Gek

Pegawai Perkhidmatan Keluarga

Cik Sophia Ong

Pegawai Perkhidmatan Keluarga

Cik Yeo Sui Chen

Pegawai Perkhidmatan Keluarga

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu- bapa, kanak-kanak, penyelia- penyelia dan pelesen- pelesen daripada pertubuhan-pertubuhan/ pusat- pusat berikut yang telah menyumbang untuk penerbitan ini:

Amazing Star Montessori House
Aspiration Child Care Centre
Bright Kids School House Pte Ltd
Cherie Hearts Child Development Pte Ltd
DayStar Child Development Centre
Eager Beaver Schoolhouse
Eileen's Child Care Centre Pte Ltd
Happy Town Child Care Centre
Iyad Perdaus Child Development Centre
Kinderland Educare Services Pte Ltd
Learning Vision @Work (Temasek Polytechnic)
Little Footprints School House Pte Ltd
Merilyn Child Care Centre
Mini World Child Care & Development Centre Pte Ltd
New Life Child Care
NTUC Childcare Co-operative Ltd
PAP Community Foundation
PCF Sparkletots Queenstown Child Care Centre
Rejoice Child Development Centre
Small World Educare Centre
Smiling Kids Pte Ltd
SunnyTots Schoolhouse
The Moral Child Care Centre
The Sunbird Child Development Centre Pte Ltd

Nota

Pengakuan Penerimaan

Saya, _____

(Nama ibu/Bapa/Penjaga yang tertera di kad pengenalan)

ibu/bapa/penjaga kepada _____

(Nama anak yang tertera di Surat Beranak)

mengaku yang saya sudah menerima senaskah buku MCYS “Panduan

untuk ibu Bapa yang Mempunyai Anak di Tajaka, Versi Semak Semula,

Januari 2008” daripada _____

(Nama Tajaka)

Tanda Tangan Ibu/Bapa/Penjaga

Tarikh



